



# RISALAH RAMADHAN



## Dekat Di Hati

PANITIA PENDIDIKAN ISLAM SM TEKNIK PERDAGANGAN JOHOR BAHRU

SIRI 1

### Kesilapan Biasa Ketika Puasa Ramadhan



### DILARANG..



**Berkata Yang Sia-Sia  
Melihat Yang Haram  
Mendengar Yang Lagha**



**Mengumpat  
Mengata  
Memaki**



**Makan Siang  
Makan Berlebihan  
Waktu Buka  
Membazir**



**Merokok Siang  
dan Malam**



**Lebih Tidur  
Tidur Lepas  
Sahur**



**Lebih Tonton TV  
Tonton Hiburan**

- 1) **Makan dan minum dengan bebas setelah batal puasa dengan sengaja** (bukan kerana uzur yang diterima Islam). Perlu diketahui bahawa sesiapa yang batal puasanya dengan sengaja dilarang untuk makan dan minum lagi atau melakukan apa jua perkara yang membatalkan puasa yang lain sepanjang hari itu.
- 2) **Makan sahur di waktu tengah malam kerana malas bangun di akhir malam.** Jelasnya, individu yang melakukan amalan ini terhalang dari mendapat keberkatan dan kelebihan yang ditawarkan oleh Nabi SAW malah bercanggah dengan sunnah baginda.
- 3) **Bersahur dengan hanya makan & minum sahaja tanpa ibadah lain.** Ini adalah antara waktu terbaik untuk beristigfar dan menunaikan solat malam.
- 4) **Tidak menunaikan solat ketika berpuasa.** Ia adalah satu kesilapan yang maha besar. Memang benar, solat bukanlah syarat sah puasa. Tetapi ia adalah rukun Islam yang menjadi tonggak kepada keislaman seseorang. Justeru, 'ponteng' solat dengan sengaja akan menyebabkan pahala puasa seseorang itu menjadi 'kurus kering' pastinya.
- 5) **Tidak mengutamakan solat Subuh berjemaah** sebagaimana Terawih. bagi orang yang mendirikannya secara berjemaah, maka beroleh pahala menghidupkan seluruh malam.
- 6) **Menunaikan solat terawih di masjid dengan niat inginkan meriah.** Malangnya mereka kerana setiap amalan di kira dengan niat, jika niat utama seseorang itu hadir ke masjid adalah untuk meriah dan bukannya atas dasar keimanan dan mengharap ganjaran redha Allah
- 7) **Bermalasan dan tidak produktif dalam kerja di siang hari dengan alasan berpuasa.** Sedangkan, kerja yang kita lakukan di pejabat dengan niat ibadat pastinya menambahkan lagi pahala. Justeru, umat Islam sewajarnya memperaktifkan produktiviti mereka dan bukan mengurangkannya di Ramadhan ini.
- 8) **Memperbanyakkan tidur di siang hari dengan alasan ia adalah ibadat.** Imam As-Sayuti menegaskan bahawa hadith yang menyebut berkenaan tidur orang berpuasa itu ibadat adalah amat lemah.
- 9) **Menganggap waktu imsak sebagai 'lampu merah' bagi sahur.** Ia bukanlah waktu tamat untuk makan sahur, tetapi waktu amaran sahaja. Lalu, janganlah ada yang memberi alasan lewat bangun dan sudah masuk imsak lalu tidak dapat berpuasa pada hari itu. Waktu yang disepakati ulama merupakan waktu penamat sahur adalah sejurus masuk fajar sadiq (subuh)
- 10) **Wanita berterawih beramai-ramai di masjid tanpa menjaga aurat.** Ini nyata apabila ramai antara wanita walaupun siap bertelekung ke masjid, malangnya kaki dan aurat mereka kerap terdedah ketika berjalan dan naik tangga masjid di hadapan jemaah lelaki.
- 11) **Tidak memperbanyakkan doa tatkala berpuasa dan berbuka.** Ini satu lagi jenis kerugian yang kerap dilakukan oleh umat Islam. Maksud hadith : "Tiga golongan yang tidak di tolak doa mereka, pemimpin yang adil, individu berpuasa sehingga berbuka dan doa orang yang di zalimi" ( Riwayat At-Tirmizi )

### Amaran bagi berbuka di siang ramadhan tanpa uzur :



Nabi SAW bersabda dalam hadith sohih ancaman berat dengan digantung di dagunya dengan terbalik hingga darah mengalir bagi individu cuai. Selain itu, Nabi juga menyebut bahawa : "Barangsiapa yang berbuka tanpa uzur pada Ramadhan, maka ia tidak mampu mengantikan kerugian dari puasa yang ditinggalkan itu, walaupun ia berpuasa selama-lamanya" ( Riwayat Abu Daud, Ibn Majah )

## KEISTIMEWAAN YANG ALLAH BERIKAN KEPADA UMAT NABI MUHAMMAD

**1. Mulut orang yang berpuasa lebih harum di sisi Allah SWT dari bau kasturi.** Perkataan khuluf bermaksud perubahan bau mulut apabila perut kosong. Baunya memang busuk pada orang ramai tetapi ia di sisi Allah sangat harum kerana ia adalah hasil dari melaksanakan ibadah kepada Allah. Setiap perkara yang terhasil dari ibadah kepada Allah, ia adalah sangat disukai-Nya. Seperti orang yang mati syahid, ia dikebumikan dengan kesan darah, kerana pada hari Kiamat kelak darah itu akan mengalir dan baunya harum sebagai bukti kesyahidannya mempertahankan agama Allah.

**2. Para malaikat memohon keampunan untuk mereka hingga waktu berbuka puasa.** Pastinya doa para malaikat akan diperkenankan Allah SWT kerana mereka tidak pernah berbuat maksiat malah mereka sentiasa tunduk dan patuh kepada perintah Allah. Mereka diberi tugas mendoakan kaum muslimin dari kalangan umat ini yang sedang berpuasa sebagai tanda keistimewaan kedudukan umat Nabi Muhammad SAW.

**3. Allah SWT menghiasi syurga-Nya setiap hari sebagai persiapan menyambut kehadiran orang yang berpuasa** dan sebagai galakan agar mereka berusaha menambahkan amal ibadat di bulan ini. Mereka juga akan dilepaskan daripada beban dan kesusahan di dunia seterusnya mudah melaksanakan segala macam ibadah.

**4. Syaitan digari dengan rantai menyebabkan mereka tidak boleh mengganggu orang-orang yang soleh.** Ini merupakan bantuan Allah kepada mereka di mana ia mengurung musuh umat manusia yang mengajak mereka ke lembah neraka. Justeru ketika datangnya Ramadan akan timbullah keinginan beribadat yang tinggi.

### TIPS CEMERLANG PUASA

- Niat puasa sebulan
- Berazam Terawih 20 rakaat
- Bertadarus secara bersemak
- Solat berjemaah setiap waktu
- Solat jemaah di masjid/surau
- Amalkan Qiamulail
- Sahur diwaktu akhir waktu
- Jaga pacaindera dari maksiat
- Hadiri majlis ilmu
- Buat baik pada ibu bapa
- Isteri taat pada suami
- Banyakkan bersedekah



## ~~BAZAR~~ BAZIR RAMADHAN

Ramai yang menganggap bulan puasa ialah bulan merajakan nafsu makan. Lihat sahaja di bazar-bazar Ramadan, aneka lauk pauk dan kuih muih yang dijual mengundang setiap individu mengunjunginya saban petang menjelang berbuka. Aneka juadah itu sudah tentu membangkitkan nafsu makan dan mendorong seseorang menjadi tamak. Keinginan untuk membeli itu dan ini yang sudah tentu semuanya kelihatan enak dan menarik belaka. Namun, setakat manakah kemampuan kita menghabiskan juadah yang dibeli?



### Kandungan Kurma !

1. Kandungan karbohidratnya yang tinggi
2. Glukosa memberikan tenaga kepada badan
3. Kaya dengan protein, serat, gula, vitamin A & C
4. Zat mineral: besi, kalsium, sodium, potassium.
5. Berkalori tinggi dan mudah dihadamkan
6. Merendahkan risiko serangan angin ahmar

Sertai Kuiz Ramadhan 2009 !!! Info dan Soalan boleh diperolehi di Waqaf al-Ghazali / laman Web Ramadhan SMTP / Blog Panitiapismtpjb.blogspot.com